


**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

SOAL SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN (SSKP)

Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas kepuasan pelanggan. Kepuasan pelanggan merujuk kepada respons pelanggan (sekolah) terhadap kualiti produk Institut Pendidikan Guru (IPG). Produk ini merujuk kepada guru permulaan yang ditempatkan di sekolah dalam tempoh enam bulan setelah tamat kursus di IPG. Soal Selidik Kepuasan Pelanggan ini perlu dilengkapkan oleh pihak sekolah (Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan/Ketua Panitia) setelah **mengenali guru berkenaan selama enam bulan**. Maklum balas kepuasan pelanggan ini akan digunakan bagi tujuan penambahbaikan kualiti guru permulaan. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan dalam melengkapkan soal selidik ini amat dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih

Panduan untuk Menjawab Soal Selidik:

1. Soal selidik ini hendaklah dilengkapkan selepas enam bulan guru permulaan berada di sekolah.
2. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian (Bahagian A dan Bahagian B).
3. Bahagian A mengenai latar belakang guru permulaan hendaklah dilengkapkan oleh guru permulaan yang dinilai.
4. Bahagian B adalah soalan-soalan mengenai kepuasan pelanggan terhadap guru permulaan untuk diisi oleh Penilai (Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan/Ketua Panitia). Bahagian ini dibahagi kepada enam aspek, iaitu:
 - I. Maklumat am
 - II. Kualiti diri guru permulaan
 - III. Kemahiran guru permulaan dalam pengajaran dan pembelajaran
 - IV. Kebolehan guru permulaan mengurus kokurikulum
 - V. Kemampuan guru permulaan mengurus tugas-tugas di sekolah
 - VI. Cadangan penambahbaikan guru permulaan
5. Tuan/Puan dikehendaki menandakan (✓) atau menulis pada ruangan yang berkaitan.
6. Tuan diingatkan bahawa guru yang dinilai ialah guru permulaan.
7. Penilaian dibuat berdasarkan persetujuan tuan terhadap setiap pernyataan mengenai guru permulaan dengan menggunakan skala yang berikut:



Bahagian A: Latar Belakang Guru Permulaan (Untuk dilengkapkan oleh Guru Permulaan)

1. Jantina

- Lelaki
- Perempuan

2. Program Perguruan yang diikuti di Institut Pendidikan Guru

- KPLI Sekolah Menengah
- KPLI Sekolah Rendah
- KDPM
- PISMP
- Kursus Persediaan

3. Pengkhususan mata pelajaran semasa di Institut Pendidikan Guru (nyatakan):

3.1 Mata pelajaran Major

3.2 Mata pelajaran Minor

4. Mata pelajaran yang diajarkan di sekolah sekarang:

.....
.....

5. Pengkhususan kokurikulum semasa di Institut Pendidikan Guru (nyatakan):

5.1 Sukan/Permainan

5.2 Unit Beruniform

5.3 Kelab/Persatuan

6. Aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan di sekolah (nyatakan):

6.1 Sukan/Permainan

6.2 Unit Beruniform

6.3 Kelab/Persatuan

7. Lokasi sekolah

- Bandar
- Luar Bandar

8. Pengalaman mengajar sebelum masuk ke Institut Pendidikan Guru:

- Ya
- Tidak

(sekiranya ya, sila nyatakan :tahun.

Bahagian B: (Untuk dilengkapkan oleh Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan/Ketua Panitia)

I: Maklumat Am

1. Jawatan Penilai

- Pengetua/Guru Besar
- Penolong Kanan
- Ketua Panitia

2. Adakah guru permulaan diberi tugas untuk mengajarkan mata pelajaran mengikut pengkhususan mereka di Institut Pendidikan Guru?

- Ya
- Tidak (sekiranya tidak, berikan sebab:

.....
.....

3. Adakah guru permulaan diberi tugas dalam aktiviti kokurikulum di sekolah berdasarkan bidang kokurikulum (Gerko) semasa mereka di Institut Pendidikan Guru?

- Ya
- Tidak (sekiranya tidak, berikan sebab:

.....
.....

II: Kualiti Diri Guru Permulaan yang Dinilai

Sila tandakan (✓) pilihan anda berdasarkan skala berikut:

1. Sangat Tidak Bersetuju (STB)
2. Tidak Bersetuju (TB)
3. Sederhana Bersetuju (S)
4. Bersetuju (B)
5. Sangat Bersetuju (SB)

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan berikut mengenai kualiti diri guru permulaan ketika menghadapi tugas pengajaran dan pembelajaran (P-P) di sekolah?		(STB) 1	(TB) 2	(S) 3	(B) 4	(SB) 5
1	Boleh menyesuaikan diri dengan budaya kerja di sekolah					
2	Boleh bekerjasama dengan staf dalam pelaksanaan tugas P-P di sekolah					
3	Menunjukkan kemahiran interpersonal yang baik semasa berinteraksi di sekolah					
4	Menunjukkan penampilan diri yang sesuai dengan profesion keguruan					
5	Menunjukkan kesungguhan dalam pelaksanaan tugas yang dipertanggungjawabkan					
6	Mengamalkan nilai-nilai murni dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah					
7	Menunjukkan kemampuan untuk menghadapi cabaran di sekolah					
8	Menunjukkan amalan proaktif dalam pelaksanaan tugas di sekolah					
9	Berdisiplin ketika melaksanakan tugas di sekolah					
10	Berusaha untuk membaiki diri dalam pelaksanaan tugas					
11	Menepati masa dalam pelaksanaan tugas					
12	Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembangunan profesional di sekolah					

III. Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Bilik Darjah

Sila tandakan (✓) nombor bagi menunjukkan pilihan anda berdasarkan skala berikut.

1. Sangat Tidak Bersetuju (STB)
2. Tidak Bersetuju (TB)
3. Sederhana Bersetuju (S)
4. Bersetuju (B)
5. Sangat Bersetuju (SB)

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan berikut mengenai kebolehan guru permulaan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah?		(STB) 1	(TB) 2	(S) 3	(B) 4	(SB) 5
1.	Berkebolehan mengajarkan mata pelajaran pengkhususan					
2.	Dapat merancang pengajaran harian berpandukan sukatan pelajaran					
3.	Boleh menyampaikan isi pelajaran mengikut kebolehan murid					
4.	Dapat menggunakan pelbagai bahan sumber dalam P-P					
5.	Boleh melaksanakan penilaian berterusan untuk meningkatkan pembelajaran murid					
6.	Dapat menggunakan pelbagai kaedah dalam P-P					
7.	Boleh menerapkan nilai murni dalam P-P					
8.	Dapat mengamalkan unsur-unsur kesepaduan dalam P-P					
9.	Berupaya untuk memotivasikan murid semasa P-P					
10.	Boleh merangsang murid untuk berfikir dalam P-P					
11.	Dapat mewujudkan suasana P-P yang menyeronokkan					
12.	Boleh mengawal disiplin murid semasa mengajar					
13.	Dapat berkomunikasi dengan berkesan di bilik darjah					

IV. Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah

Sila tandakan (✓) nombor bagi menunjukkan pilihan anda berdasarkan skala berikut.

1. Sangat Tidak Bersetuju (STB)
2. Tidak Bersetuju (TB)
3. Sederhana Bersetuju (S)
4. Bersetuju (B)
5. Sangat Bersetuju (SB)

	Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan berikut mengenai kemampuan guru permulaan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah?	(STB) 1	(TB) 2	(S) 3	(B) 4	(SB) 5
1.	Boleh merancang aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan					
2.	Dapat melaksanakan aktiviti kokurikulum yang telah dirancang					
3.	Dapat melatih murid dalam kemahiran asas sesuatu acara kokurikulum					
4.	Mampu membantu mengelolakan pertandingan kokurikulum					
5.	Boleh membantu dalam tugas pengadilan aktiviti kokurikulum					
6.	Boleh membantu menjalankan tugas pengurusan aktiviti kokurikulum					
7.	Dapat menyesuaikan diri dalam pelaksanaan tugas kokurikulum mengikut keperluan dan situasi sekolah					

V. Pengurusan Kerja Di Sekolah

Sila tandakan (✓) nombor bagi menunjukkan pilihan anda berdasarkan skala berikut.

1. Sangat Tidak Bersetuju (STB)
2. Tidak Bersetuju (TB)
3. Sederhana Bersetuju (S)
4. Bersetuju (B)
5. Sangat Bersetuju (SB)

Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan berikut mengenai kebolehan guru permulaan untuk mengurus kerja rutin di sekolah?		(STB) 1	(TB) 2	(S) 3	(B) 4	(SB) 5
1	Boleh memeriksa hasil kerja murid secara berterusan					
2	Dapat mengemaskinikan rekod kehadiran murid					
3	Boleh mengurus rekod kemajuan murid mengikut masa yang ditetapkan					
4	Dapat mengemaskinikan maklumat murid dalam buku rancangan pengajaran harian guru					
5	Dapat melaksanakan tugas tambahan luar waktu sekolah					

VI: Cadangan Penambahbaikan

Apakah cadangan anda untuk meningkatkan kualiti guru permulaan lulusan Institut Pendidikan Guru?

i.

ii.

Terima kasih atas kesudian tuan menjawab soal selidik ini.

**© HAK CIPTA TERPELIHARA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**